

Legasi Al-Tarmasiy Dalam Bidang Qiraat

The Legacy of Al-Tarmasiy in Qiraat

Hayati Binti Hussin¹, Abdul Rahim Ahmad², Muhammad Hafiz Bin Saleh³ & Muhammad Arif Musa⁴

^{1,3,4}Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

²Institut Kajian Malaysia & Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia

Article progress

Accepted: 9 Mac 2020

Reviewed: 27 April 2020

Published: 31 Mei 2020

*Corresponding author:
Hayati Hussin, Fakulti
Pengajian Quran & Sunnah,
Universiti Sains Islam
Malaysia, Malaysia
Email:
hayati.hussin@usim.edu.my

Abstrak: Al-Tarmasiy merupakan seorang ulama nusantara yang prolifik. Beliau banyak menghasilkan kitab dalam pelbagai disiplin pengajian Islam. Namun keunggulan beliau dalam bidang qiraat lebih terserlah. Karya beliau dalam bidang qiraat mewakili peratusan yang tertinggi berbanding bidang pengajian Islam yang lain. Justeru kertas kerja ini dihasilkan bagi menyingkap legasi beliau dalam bidang qiraat. Metodologi kajian ini bersifat kualitatif dan berbentuk analisis kandungan dengan berpandukan kepada kitab-kitab qiraat karangan beliau. Hasil kajian mendapati terdapat enam buah kitab yang telah dihasilkan oleh al-Tarmasiy dalam bidang qiraat. Kitab-kitab tersebut iaitu Ta'mim al-Manafi' bi Qira'at al-Imam Nafi', Tanwir al-Sadr bi Qira'at al-Imam Abi 'Amr, Ghunya al-Talabah bi Sharh al-Tayyibah, Al-Badr al-Munir fi Qira'at al-Imam Ibn Kathir, Al-Risalah al-Tarmasiyyah fi Isnad al-Qira'at al-'Ashriyyah dan Inshirah al-Fawaid fi Qira'at al-Imam Hamzah Riwayatay Khalaf wa Khallad. Implikasinya kajian ini dapat menyumbang ke arah usaha mentahkik kitab-kitab qiraat al-Tarmasiy serta menterjemahkannya dan mensyarahkannya ke dalam bahasa ibunda.

Kata kunci: Al-Tarmasiy, Manuskrip dan Qiraat.

Abstract: Al-Tarmasiy was a prolific archipelago scholar. He has produced many books in various disciplines of Islamic studies. But his excellence in the field of qiraat is more evident. His work in the field of qiraat represents the highest percentage compared to other fields of Islamic studies. Thus this paper aimed to reveal his legacy in the field of qiraat. The methodology of this study is qualitative and content analysis based on his qiraat books. The results showed that there are six books that have been produced by al-Tarmasiy in the field of qiraat. The books are Ta'mim al-Manafi' bi Qira'at al-Imam Nafi', Tanwir al-Sadr bi Qira'at al-Imam Abi 'Amr, Ghunya al-Talabah bi Sharh al-Tayyibah, Al-Badr al-Munir fi Qira'at al-Imam Ibn Kathir, Al-Risalah al-Tarmasiyyah fi Isnad al-Qira'at al-'Ashriyyah and Inshirah al-Fawaid fi Qira'at al-Imam Hamzah Riwayatay Khalaf wa Khallad.. This study contributes to the efforts of reading al-Tarmasiy's qiraat books and translating them into other languages.

Keywords: Al-Tarmasiy; Manuscript; Qiraat

PENGENALAN

Kota Mekah sejak berabad-abad yang lampau lagi merupakan pusat kegiatan ulama-ulama besar sedunia termasuk dari Nusantara. Mereka inilah yang telah meletakkan batu asas pengajian Islam yang kukuh di Asia Tenggara. Di sanalah juga mereka menyusun dan mengarang bagi melahirkan karya-karya ilmiah yang besar (Ismail, 1998).

Snouck Hurgronje dalam bukunya tentang Mekah menjelaskan bahawa pada akhir abad ke-19, pendidikan di Hijaz adalah berpusat di al-Masjid al-

Haram (Snouck Hurgronje, 2006). Ulama-ulama Nusantara mengajar, mendidik serta berkarya demi melahirkan generasi ulama rumpun melayu dan pelbagai bangsa yang menjadi pemimpin-pemimpin agama yang terkemuka di merata pelosok dunia. Nama-nama yang dominan seperti Muhammad Mahfuz al-Tarmasiy, Shaykh Daud al-Fatani, Nawawi al-Bantani, Ahmad Khatib al-Minangkabawi, Muhsin al-Masawi dan lain-lain merupakan tokoh-tokoh yang terdidik di kota suci Mekah (Ismail, 1998). Suasana ilmu pengajian di Mekah pada ketika itu semakin berkembang. Pengajian di tiang-tiang Masjid al-Haram semakin rancak sehingga

program-program halaqah ilmu pada ketika itu mencapai bilangannya sebanyak 120 halaqah (Al-Siba^ciy).

Al-Tarmasiy bermukim serta menuntut ilmu di Mekah dengan tekun di bawah asuhan guru-gurunya sehingga beliau menjadi ulama besar yang mampu menjadikan dirinya diiktiraf sebagai salah seorang pengajar di Masjidil Haram. Terdapat pula syarat-syarat kelayakan yang mesti dipenuhi bagi mereka yang ingin mengajar di Masjid al-Haram. Di antaranya seorang ulama mestilah menduduki ujian terbuka yang di adakan oleh Lembaga Ulama al-Masjid al-Haram. Ujian tersebut bertujuan untuk menilai tahap kelayakan bagi mereka yang ingin mengajar di sana. Sekiranya berjaya, maka perakuan kelayakan akan diberikan untuk mengajar di Masjidil Haram.

Pada waktu mengajar di Masjidil Haram di Bab al-Safa (Al-Mu^callimiy, 2000), kebanyakan murid-muridnya adalah orang jawa. Di antara mereka ialah saudara-saudaranya sendiri seperti Dimyathi, Dahlan dan Abdul Rozaq. Terdapat juga tokoh-tokoh lain yang setelah pulang ke jawa menjadi kiai besar di tempat masing-masing, seperti Hasyim Asy'ari dari Tebuireng Jombang, Dahlan dari Watucongol Muntilan, Raden Mas Kumambang dari Surabaya dan lain sebagainya (Al-Tarmasiy, 2007).

KAJIAN LEPAS

Berdasarkan maklumat dan bahan-bahan di perpustakaan dan internet, kajian khusus ataupun umum berkenaan kertas kerja yang dicadangkan terdapat beberapa kajian terdahulu yang boleh dijadikan panduan berkaitan tajuk yang sedang dikaji. Kajian-kajian tersebut penting untuk dijadikan bahan rujukan serta asas dalam artikel yang ditulis. Berikut adalah kajian-kajian terdahulu yang disusun berdasarkan perkaitannya dengan tajuk artikel ini.

1. *Is^caf al-Mutali^c bi Sharh al-Badr al-Lami^c Nazam Jam^c al-Jawami^c: Dirasah wa Tahqiq* oleh ^cAbd al-Rahman ^cAbd al-Qadir ^cAbid al-Ansari pada tahun 2006. Tesis ini dijalankan di Universiti Umm al-Qura di Fakulti Syariah dan Pengajian Islam, Bahagian Pengajian Siswazah, Jabatan Usul al-Fiqh, bagi memperolehi ijazah doktor falsafah . Jelas kelihatan daripada namanya ia merupakan kajian tahkik terhadap karya al-Tarmasiy. Namun manuskrip yang ditahkik dan dianalisis adalah berkaitan ilmu Usul al-Fiqh yang dikarang secara panjang lebar. Bab yang ditahkik hanyalah sekitar separuh, iaitu daripada awal perbahasan tentang arahan (*al-Amr*) sehingga perbahasan berkaitan pemansuhan (*al-Naskh*). Tesis beliau telah dibentangkan pada tahun 1427H/2006M. Ia

diselia oleh Prof. Dr. Husayn bin Khalaf al-Jaburiy. Tautan yang terdapat pada tesis ini dengan tesis yang dijalankan oleh penulis ialah pada aspek tahkik manuskrip. Walaupun kelihatan ia dari dua bidang yang berbeza, namun tesis ini juga merupakan buah tangan al-Tarmasiy dalam bidang yang lain. Walaubagaimanapun, tesis ini menonjolkan ketokohan al-Tarmasiy di dalam bidang Fiqh dan Usul al-Fiqh berbanding bidang qiraat dan juga bidang pengajian Islam yang lain. Oleh yang demikian, karya beliau dalam pelbagai bidang, terutamanya Qiraat mesti dikaji dan diperluaskan sehingga dapat membuktikan beliau juga seorang tokoh yang prolifik dalam bidang pengajian Islam secara amnya dan bidang Qiraat secara khususnya.

2. *Is^caf al-Mutali^c bi Sharh al-Badr al-Lami^c Nazam Jam^c al-Jawami^c: Dirasah wa Tahqiq* oleh ^cAbdullah bin ^cAli Muhammad al-Mazam, 2009. Ia merupakan sambungan daripada tesis yang dijalankan oleh ^cAbd al-Rahman ^cAbd al-Qadir ^cAbid al-Ansari di Universiti Umm al-Qura di Fakulti yang sama. Sambungan bab yang ditahkik oleh ^cAbdullah pula bermula dari *Kitab al-Qiyas* sehingga akhir. Tesis ini juga diselia oleh Profesor yang sama iaitu Prof. Dr. Husayn bin Khalaf al-Jaburiy. Ia telah diperiksa dan diluluskan tiga tahun selepas bahagian pertama siap, seperti yang dinyatakan di atas. Ketokohan dan keilmuan al-Tarmasiy jelas terpampang apabila sebuah sahaja karya manuskrip beliau berjaya melahirkan dua orang ilmuan di sebuah negara arab di peringkat pengajian tertinggi dalam bidang tertentu.
3. *Sejarah Qira'at al-Quran di Nusantara* oleh Wawan Djunaedi, 2008. Ia juga pada asalnya merupakan sebuah tesis yang dijalankan untuk memenuhi syarat penganugerahan ijazah sarjana di UIN Syarif Hidayatullah Jakarta. Namun tahunnya tidak disebutkan. Ia kemudiannya diterbitkan dalam bentuk buku pada 2008. Selain daripada menyingkap latar belakang ilmu qiraat, tesis ini cuba menetapkan teori sebenar tentang pembawa masuk Islam yang pertama ke Nusantara. Kayu ukur yang digunakan adalah dengan melihat kepada bentuk bacaan di rantau ini yang kesemuanya menggunakan riwat Hafs ^can Asim. Maka secara ringkasnya, pendakwah Islam pertama yang berjaya menambat hati penduduk Nusantara adalah berasal dari Parsi berikutnya kedudukannya yang hampir dengan Kufah,

tempat lahir serta tempat berkembangnya riwayat tersebut. Kajian ini juga ada menyebut secara terperinci nama dua orang tokoh ulama qiraat Nusantara iaitu Muhammad Moenauwir dan Munawar berserta dengan sanad qiraat mereka secara detil. Malangnya apabila al-Tarmasiy disebutkan oleh beliau, seakan-akan nama al-Tarmasiy tidak langsung meninggalkan kesan dalam bidang ini walaupun tokoh ini mempunyai karya-karya yang pelbagai di dalam disiplin ilmu qiraat di samping zaman kehidupannya adalah mendahului kedua-dua tokoh tadi.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang berbentuk analisis dokumen. Penyelidikan yang dijalankan adalah berdasarkan manuskrip-manuskrip al-Tarmasiy dalam bidang qiraat Terdapat enam manuskrip yang merupakan instrument utama iaitu:

- 1) *Ta'mim al-Manafi' bi Qira'at al-Imam Nafi'*.
- 2) *Tanwir al-Sadr bi Qira'at al-Imam Abi 'Amr*.
- 3) *Ghunyat al-Talabah bi Sharh al-Tayyibah*.
- 4) *Al-Badr al-Munir fi Qira'at al-Imam Ibn Kathir*.
- 5) *Al-Risalah al-Tarmasiyyah fi Isnad al-Qira'at al-'Ashriyyah*.
- 6) *Inshirah al-Fawaaid fi Qira'at al-Imam Hamzah Riwayatay Khalaf wa Khallad*.

Pengumpulan data dalam bentuk perkataan dianalisis secara induktif. Penyelidikan kualitatif sebegini menghasilkan dapatan yang bukan melalui prosedur statistik atau lain-lain bentuk pengiraan.

BIODATA AL-TARMASIY

Nama beliau ialah Muhammad Mahfuz bin 'Abdillah bin 'Abd al-Mannan al-Tarmasiy. Lahir di Tremas, Pacitan, Jawa Tengah, pada 6 Safar tahun 1280H (22 Julai 1863M) atau 12 Jamadilawal 1285H (31 Ogos 1868M).

Terdapat sedikit percanggahan mengenai tarikh lahir beliau. Cucu beliau, Harir ketika memperkenalkan biodata datuknya pada permulaan kitab *al-Khal'ah al-Fikriyyah fi Sharh al-Minhah al-Khayriyyah* menyebut: "Tahun kelahiran beliau dipersilahkan orang. Ada yang mengatakan bahawa tahunnya ialah 1285H. Ia merupakan pendapat Shaykh Yasin Padang¹ di penutup

Kitab *Kifayat al-Mustafid*. Ada juga yang mengatakan bahawa tarikh lahir beliau adalah pada hari Isnin, 6 Safar tahun 1280H. Ia merupakan pandangan adik kandung beliau, Shaykh Dahlan bin 'Abdullah al-Tarmasiy.

Penulis mendapati suatu perkara lumrah tahun kelahiran tokoh-tokoh terdahulu menjadi isu dan perdebatan. Ini kerana ia jarang direkod dan didokumentasikan oleh pihak berkuasa seperti kita di zaman ini. Berbeza halnya dengan tarikh kematian yang kadangkala turut diperdebatkan, tokoh-tokoh tersebut telahpun terkenal dan diikuti perkembangannya oleh para peminat, pengikut, pelajar, penulis mahupun musuh.

Dalam konteks al-Tarmasiy, pandangan adiknya, Shaykh Dahlan, bahawa tahun kelahiran al-Tarmasiy pada 6 Safar 1280H (bersamaan 22 Julai 1863M) sebenarnya lebih tepat. Ini kerana pada kebiasaananya, hubungan kekeluargaan lebih menjamin kesahihan data dalam hal-hal sebegini (Al-Tarmasiy, 2007).

KOMEN PARA ULAMA DAN PENULIS TERHADAP KEWIBAWAAN AL-TARMASIY

Al-Tarmasiy merupakan seorang tokoh yang dikagumi lagi diperakui kebolehannya di persada antarabangsa. Keilmuan beliau terserlah apabila nama beliau disebut di dalam beberapa buah kitab yang terkenal dan muktabar serta dijadikan rujukan dalam bidang pengajian Islam secara amnya dan bidang Qiraat secara khususnya. Di antara penulis-penulis yang menyebut nama beliau di dalam kitab-kitab karangan mereka ialah:

1- Khayr al-Din al-Zirikliy al-Dimashqiy (1893-1976M)

Beliau merupakan pengarang kitab *Al-A'lam Qamus Tarajum li Ashhar al-Rijal wa al-Nisa' min al-'Arab wa al-Musta'ribin wa al-Mustashriqin*. Di dalam kamus biodata tokoh-tokoh ilmuan Islam dan baratnya yang terkenal ini, beliau menceritakan tentang pengarang Manuskrip *Ta'mim Al-Manafi' Bi Qiraat Al-Imam Nafi'*

keluarganya berasal dari sana. Beliau dilahirkan di al-Misfalah, Makkah al-Mukarramah pada tahun 1335H bersamaan 1916M. Shaykh Yasin mendapat pendidikan awal di Makkah daripada bapanya Shaykh Muhammad 'Isa dan bapa saudaranya Shaykh Mahmud yang melaluinya beliau belajar al-Quran. Beliau menyambung pelajarannya di Madrasah al-Sawlatiyyah pada tahun 1346H. Beliau merupakan salah seorang ulama besar di Mekah. Beliau juga pernah mengikuti halaqah-halaqah ilmu di al-Masjid al-Haram yang disampaikan oleh para ulama, termasuklah al-Tarmasiy. Beliau melanjutkan pengajian dan menamatkannya di Madrasah Dar al-'Ulum al-Diniyyah, Mekah. Beliau meninggal dunia pada Zulhijjah 1410H bersamaan 1990M. lms.kuis.edu.my/.../Hadis_Jurnal_Bil_1_2.pdf, hlm36-37.

¹ Abu al-Fayd, Muhammad Yasin bin Muhammad 'Isa bin Udk al-Fadaniy al-Makkiy al-Shafi'iyy. Gelaran al-Fadaniy adalah nisbah kepada daerah Padang, Indonesia kerana

ini dengan katanya: "Muhammad Mahfuz bin 'Abdillah bin 'Abd al-Mannan al-Tarmasiy (wafat selepas 1329H bersamaan 1911M), seorang ulama fiqh mazhab Shafi'iy dan salah seorang ahli Qiraat. Beliau juga berkecimpung dalam bidang hadith" (Al-Zirikliyy, 1984).

2- 'Abd al-Fattah al-Sayyid 'Ajmiy al-Marsafiy (-1931M)

Al-Marsafiy merupakan pengarang kitab '*Hidayat al-Qari Ila Tajwid Kalam al-Bari*' yang begitu terkenal dalam bidang Qiraat. Ketika menceritakan mengenai al-Tarmasiy, beliau menganggapnya sebagai tuan guru kepada guru-guru beliau. Sanjungan yang diberikan kepada al-Tarmasiy tinggi melangit apabila menggambarkan al-Tarmasiy, ayah dan datuknya sebagai para alim ulama.

Beliau berkata dalam kitabnya: "Al-Tarmasiy merupakan seorang yang sangat alim (*al-'Allamah*), ahli hadith (*al-Muhaddith*), ahli sanad (*al-Musnid*), ahli Fiqh (*al-Faqih*), ahli Usul Fiqh (*al-Usuliy*) dan ahli Qiraat (*al-Muqri*). Shaykh Muhammad Mahfuz bin al-'Allamah al-Faqih 'Abdullah bin al-'Allamah al-Haj 'Abd al-Mannan al-Jawiy, kemudiannya al-Makki, al-Shafi'iy" (al-Marsafiy, 2008).

Bagi al-Marsafiy, kemasyhuran al-Tarmasiy diketahui di semua peringkat. Akhlaknya baik dan perwatakannya lemah lembut. Beliau tidak suka masuk campur terhadap perkara yang tiada kaitan dengan dirinya. Rumahnya sering dikunjungi oleh para penuntut yang dahagakan ilmunya yang melimpah ruah".

PERBINCANGAN DAN HASIL KAJIAN

Karya-karya yang disenaraikan di bawah ini merupakan legasi al-Tarmasiy yang sebahagian besarnya masih kekal sehingga ke hari ini. Daripada hasil karangan beliau ini, dapat dilihat keilmuan serta usaha jerih yang dilakarkan beliau melalui mata pena. Kesungguhan ketika berkarya membawa hasil kelahiran ensiklopedia ilmu yang tidak ternilai. Bilangan kitab qiraat sebanyak 6 buah yang mewakili 20 buah keseluruhannya ditulis di dalam bahasa arab membuktikan bahawa al-Tarmasiy merupakan seorang tokoh prolifik dalam bidang qiraat. Di antara kitab-kitab qiraat tersebut ialah:

Pertama: *Ta'mim Al-Manafi Bi Qira'at Al-Imam Nafi'*

Judul kitab ini bermaksud: 'Penyebaran Manfaat Dengan Qiraat Imam Nafi''. Kitab ini merupakan salah satu karya al-Tarmasiy yang memberi impak besar serta signifikan dalam bidang qiraat. Ia menonjolkan nama beliau sebagai seorang tokoh yang prolifik dalam bidang

qiraat. Kitab ini berkaitan dengan qiraat Imam Nafi' dan dua orang perawinya iaitu Qalun dan Warsh.


Kandungannya mengandungi qiraat tujuh dalam bab *Usul* dan *Farsh*. Al-Tarmasiy berkata: "Aku (turut) menerangkan di dalam kitab ini apa-apa yang biasa diperselisihan bacaan daripada baki tujuh Imam Qiraat dari aspek *Usul* dan *Farsh*".

Metode penulisan al-Tarmasiy diselaraskan dengan majoriti kitab-kitab qiraat beliau yang lain seperti yang akan dapat dilihat nanti. Pendekatan yang digunakan ialah menulis *Bab al-Usul* dahulu kemudian diikuti dengan *Bab al-Farsh*. Cara ini dapat memudahkan para pembaca untuk memahami isi kandungannya (Al-Tarmasiy, 1907).

Sebagai kesimpulan berdasarkan daripada kajian yang telah dilakukan, dapat diperhatikan bahawa al-Tarmasiy menggunakan kitab *al-Ithaf* karangan al-Banna sebagai rujukan utama di dalam menghasilkan manuskrip *Ta'mim*. Hal ini jelas terlihat apabila beliau didapati merujuk kitab tersebut pada setiap 23 *Bab al-Usul* yang ditahkik ini.

Selain daripada itu, beliau juga banyak merujuk kitab-kitab karangan Ibn al-Jazariy sehingga menempatkan kedudukannya di tangga yang kedua pada 13 bab. Seterusnya kitab karangan al-Shatibiy berada pada tempat ketiga, iaitu pada 11 bab.

Terdapat juga kitab-kitab rujukan lain oleh pelbagai pengarang yang disebutkan di dalam manuskrip *Ta'mim* ini. Sejumlah 12 bab menempatkan nama karyakarya mereka yang pada kebiasaannya dinakalkan oleh al-Tarmasiy ketika merujuk kitab *Ithaf*.



Jadual 1: Manuskrip *Ta'mim Al-Manafi Bi Qira'at Al-Imam Nafi'*

Kedua: *Ghunya Al-Talabah Bi Sharh Al-Tayyibah*

Judul kitab ini bermaksud: 'Kecukupan Pelajar Dengan Huraian Al-Tayyibah'. *Al-Tayyibah* yang disebutkan pada judul kitab ini merujuk kepada *Tayyibat al-Nashr fi al-Qira'at Al-'Ashr* karangan Ibn al-Jazariy. Ia


merupakan kitab rujukan di dalam ilmu Qiraat yang sangat muktabar. Keahlian Ibn al-Jazariy dalam bidang ini turut diperakui hatta oleh para ulama Mesir. Dalam hal ini, al-Tarmasiy menukilkan pujian mereka dalam dua rangkap bait syair arab yang diungkapkan oleh al-Maqriziy:

أيا شمس علم بالقراءات أشرقت وحقك قد من الإله على مصر
وها هي بالتقريب منك تضوّعت عبيراً وأضحت وهي طيبة النشر

Maksudnya: Wahai mentari ilmu qiraat dikau menyinar sesungguhnya tuhan telah menganugerahkan kamu kepada Mesir, Inilah dia (kitab *Taqribmu*) memancarkan menyemarakkan haruman dan juga menerangi oleh (kitab *Tayyibah al-Nashr*).

Metode penulisan al-Tarmasiy di dalam *Ghunyat* agak berbeza jika dibandingkan dengan kitab-kitab qiraat beliau yang lain. Jumlah mukasuratnya yang berganda juga menuntut beliau agar lebih detil dalam membicarakan bab-bab ilmu Qiraat mengikut pembentangan oleh Ibn al-Jazariy. Setelah mengarang sedikit mukadimah pada halaman pertama dan sebahagian halaman kedua, beliau menceritakan biodata Ibn al-Jazariy diikuti biodata Imam-imam Sepuluh (Al-Tarmasiy, 1911).

Sebagai kesimpulan, Jika dibandingkan dengan kitab-kitab qiraat beliau yang lain, *Ghunyat* bolehlah dianggap sebagai ensiklopedia al-Tarmasiy dalam bidang qiraat. Ini berikutan isinya mengandungi qiraat Imam Sepuluh berpandukan Manuskip *Tayyibat al-Nashr fi al-Qira'at Al-'Ashr* karangan Ibn al-Jazariy berbanding dengan kitab-kitab beliau yang lain dalam bidang ini.




Jadual 2: Manuskip *Ghunyat Al-Talabah Bi Sharh Al-Tayyibah*

Ketiga: *Tanwir Al-Sadr Bi Qira'at Al-Imam Abi 'Amr*

Judul kitab ini bermaksud: ‘Menyuluh Dada dengan Bacaan Qiraat Abi ‘Amr’. Kitab ini merupakan salah satu karya al-Tarmasiy yang memberi impak besar serta signifikan dalam bidang qiraat. Ia menonjolkan nama beliau dalam bidang qiraat. Kitab ini berkaitan dengan qiraat Imam Abi ‘Amr dan dua orang perawinya iaitu al-Durriy dan al-Susiy daripada Yahya al-Yazidiy. Al-Tarmasiy berkata: “Aku (turut) menerangkan di dalam kitab ini apa-apa yang biasa diperselisihkan bacaan daripada baki tujuh Imam Qiraat dari aspek *Usul* dan *Farsh*”.

Metode penulisan al-Tarmasiy diselaraskan juga dengan beberapa kitab qiraat beliau yang lain. Pendekatan yang digunakan ialah menulis *Bab al-Usul* dahulu kemudian diikuti dengan *Bab al-Farsh* juga. Cara ini dapat memudahkan para pembaca untuk memahami isi kandungannya seperti mana kitab yang terdahulu (Al-Tarmasiy, T.th)



Jadual 3: Manuskip *Tanwir al-Sadr bi Qira'at al-Imam Abi 'Amr*

Sebagai kesimpulan, al-Tarmasiy telah membahagikan perbincangan di dalam manuskip *Tanwir Al-Sadr* ini berdasarkan kepada dua topik asas di dalam ilmu al-Qiraat iaitu *Bab al-Usul* dan *Bab al-Farsh*. Al-Tarmasiy kemudiannya menyusun sendiri tajuk-tajuk seterusnya tanpa terikat dengan kelaziman penulis-penulis terdahulu. Sebagai contoh al-Shatibiyy dan Ibn al-Jazariy memulakan perbahasan di dalam *Bab al-Usul* dan diakhiri dengan *Bab Surah al-Nas*.

Keempat: *Al-Risalah Al-Tarmasiyyah Fi Isnad Al-Qira'at Al-'Ashriyyah*

Judul kitab ini bermaksud: ‘Risalah al-Tarmasiy dalam Penerimaan Sanad Qiraat Sepuluh’. Kitab ini juga merupakan salah satu karya beliau dalam bidang qiraat yang penting. Ia memberikan keterangan dan bukti

perolehan ilmu al-Tarmasiy dalam bidang Qiraat secara bersanad.

Metode penulisan al-Tarmasiy di dalam kitab ini juga agak berbeza dengan beberapa kitab-kitab qiraat beliau yang lain. Di dalam kitab ini perbahasannya tertumpu kepada biodata Imam Sepuluh. Bermula dengan pengenalan terhadap setiap imam, ia kemudian diikuti oleh biodata setiap *rawi*. *Tariq* setiap *rawi* juga diuraikan di dalam kitab ini. Cara ini dapat memudahkan para pembaca untuk menjelaki susur galur periwayatan setiap Imam (Al-Tarmasiy, 1903).

Sebagai kesimpulan kitab ini membahaskan biodata imam, rawi serta *tariq* setiap perawi qiraat sepuluh.

Kelima: *Inshirah Al-Fawaid Fi Qira'at Al-Imam Hamzah Riwayatay Khalaf Wa Khallad*

Judul kitab ini bermaksud: ‘Terangnya Faedah dalam Qiraat Imam Hamzah - Dua Riwayat Khalaf dan Khallad’. Kitab ini hanya disebutkan sebagai hasil nukilan al-Tarmasiy. Walaubagaimanapun, ia belum dapat ditemui di mana-mana perpustakaan awam dan komersial mahupun laman sesawang. Penulis sebenarnya berusaha untuk menjelaki seluruh peninggalan al-Tarmasiy, khususnya dalam bidang Qiraat namun tidak semuanya berhasil.

Keenam: *Al-Badr Al-Munir Fi Qira'at Al-Imam Ibn Kathir*

Judul kitab ini bermaksud: ‘Purnama yang Bersinar dengan Qiraat Imam Ibn Kathir’. Nasib kitab ini juga sama dengan *kitab Inshirah al-Fawaid fi Qira'at al-Imam Hamzah Riwayatay Khalaf wa Khallad*. Sebarang ulasan tidak dapat dibuat disebabkan faktor ini.

Ringkasnya al-Tarmasiy bukanlah pendatang baru dalam bidang qiraat ketika mengarang kitab-kitab qiraat yang dinyatakan di atas. Beliau merupakan orang lama yang sangat berpengalaman di dalam berkarya. Faktor inilah yang sampai sekarang menjadi kebanggaan waris-waris serta institusi-institusi yang ditinggalkan oleh beliau.

KESIMPULAN

Keilmuan al-Tarmasiy terserlah apabila mendapat pengiktirafan menjadi salah seorang pengajar Masjid al-Haram di Bab al-Safa. Komen-komen para ulama dan penulis terhadap ketokohan beliau juga merupakan nilai tambah terhadap ketokohan beliau.

Walaupun kecanggihan dan kemudahan berkarya seperti yang ada pada masa kini tidak wujud pada ketika itu, ia bukanlah halangan yang membantutkan usaha beliau untuk tabah berkarya. Bahkan kekurangan zaman ditukarkannya menjadi

pembakar semangat untuk menyumbang kepada umat dan agama. Hasil penulisan beliau membuktikan bahawa kita tidak ketandusan alim ulama yang besar sumbangannya di persada dunia.

Metodologi penulisan sebuah karya ilmiah merupakan perkara yang penting. Ia bukanlah dilakukan untuk menghakimi hasil ilmiah tokoh seperti al-Tarmasiy, bahkan ianya dijalankan untuk memahami gaya penulisan beliau serta menonjolkan ketokohan dan kepakarannya. Ia juga dapat menambahkan keyakinan berkaitan keaslian sesuatu karya, terutamanya karya lama yang hanya mempunyai salinan tunggal seperti manuskrip yang dikaji ini.

Perbincangan terhadap al-Tarmasiy telah dilakukan dalam pelbagai bidang pengajian Islam selain bidang Qiraat. Kini masanya telah tiba untuk kita melihat metodologi penulisan beliau dalam bidang Qiraat secara umum dan dalam manuskrip *Ta'mim* secara khusus.

Dari aspek pembahagian bab dan topik, al-Tarmasiy mengaplikasikan pendekatan tematik di dalam kebanyakan kitab-kitab qiraat karangannya. Beliau meletakkan tajuk kepada sesuatu bab yang hendak dibahaskan. Kemudian tajuk-tajuk yang diletakkan dikaji secara detil dari pelbagai aspek perbahasan.

Sebagai contoh dalam kitab *Tanwir al-Sadr bi Qira'at al-Imam Abi 'Amr*, al-Tarmasiy memulakan dengan *Bab al-Idgham*. Konteks perbahasan dalam bab itu pula ialah berkaitan dengan *al-Idgham* tanpa mencampurkannya dengan bab-bab yang lain.

Cara mengarang al-Tarmasiy pula adalah bervariasi. Adakalanya gaya penulisan beliau bersifat padat. Beliau menerapkan cara ini dengan membahaskan setiap tajuk yang dikupas secara ringkas. Justeru, perbahasan tersebut mencakupi setiap tajuk dan penulisannya pula mudah difahami. Sebagai contoh kitab *Al-Risalah al-Tarmasiyyah fi Isnad al-Qira'at al-'Ashriyyah*. Kitab ini dikarang secara ringkas tetapi isinya adalah mampat. Berbeza dengan gaya padat dalam beberapa buah kitabnya, gaya penulisan terperinci pula merupakan pendekatan berbeza yang digunakan oleh al-Tarmasiy di dalam kitab-kitabnya yang lain. Beliau memaparkan segala aspek yang terkandung dengan perbahasannya yang panjang lebar serta mencakupi segala maklumat secara detil. Metode ini banyak diaplikasikan dalam kitab *Ghunya al-Talabah bi Sharh al-Tayyibah*.

Pada aspek sumber pula, al-Tarmasiy merujuk kepada sumber-sumber utama. Di antara kitab-kitab asas yang digunakan oleh beliau ialah *Ithaf Fudhala' al-Bashar bi al-Qira'at al-'Arba'ata 'Ashar* karangan al-Banna, *al-Nashr fi al-Qira'at Al-'Ashr* karangan Ibn al-Jazari dan *Taqrib al-Ma'ani fi Sharh Hirz al-Amani fi al-Qira'at al-Sab'* karangan Abu al-Farh dan Khalid Muhammad. Kitab-kitab yang disebutkan tadi

merupakan di antara teras rujukan para ulama dan penulis dalam bidang ilmu Qiraat sehingga ke hari ini.

Dari aspek susunan bab qiraat dalam kebanyakan kitab-kitab karangannya pula, al-Tarmasiy mendahuluikan *Bab al-Usul* diikuti dengan *Bab al-Farsh* dengan menampilkan gaya susunan yang tersendiri. Pendekatan unik ini agak berbeza berbanding susunan yang dibawa oleh al-Shatibiy dan Ibn al-Jazariy seperti yang akan dijelaskan nanti.

Beliau menggunakan bahasa arab aras ilmiah yang mudah difahami. Kepatuhananya pada tata bahasa dan cara ejaan arab jelas membuktikan penguasaan nahu dan sarafnya. Tradisi karangan berirama dengan mencedok nas-nas al-Quran dan Hadith untuk menguatkan makna dan irama diteruskan, terutamanya pada mukadimah kitab-kitab karangannya. Secara umum, latar belakang bukan arabnya tidak terkesan sepanjang penulisan beliau di dalam semua nukilan qiraat yang ditinggalkannya.

Karya-karya yang disenaraikan di atas pula merupakan legasi al-Tarmasiy yang sebahagian besarnya masih kekal sehingga ke hari ini. Daripada hasil karangan beliau ini, dapat dilihat keilmuan serta usaha jerih yang dilakukan beliau melalui mata pena. Kesungguhan ketika berkarya membuatkan hasil kelahiran ensiklopedia ilmu yang tidak ternilai.

PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) kerana telah meluluskan dan membiaya sepenuhnya kajian ini di bawah skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) yang bertajuk: Model Pengajaran dan Pembelajaran Qiraat sepuluh Atas Talian (online) Dengan Medium Bahasa Melayu Kod Penyelidikan (Ref: FRGS/1/2017/SSI03/USIM/02/15).

RUJUKAN

Al-Quran.

‘Abd al-Fattah al-Sayyid ‘Ajmiy al-Marsafi, *Hidayah al-Qari’ ila Tajwid Kalam al-Bari*, 2008, Dar al-‘Aqidah, hlm. 302.

Ismail Che Daud, 1418H/1988M, *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)*, Majlis Agama Islam dan adat Istiadat Melayu Kelantan, Kuala Lumpur.

Snouck Hurgronje. 1426H/2006M, *Mekka: In the Latter Part of the 19th Century: Daily Life, Customs and Learning of the Moslims of the East-Indian-Archipelago*.

Al-Siba‘iy, Ahmad al-Siba‘iy, 1420H/199M, *Tarikh Makkah*, Matabi‘ al-Safa, Mekah,

Al-Mu‘allimiyy, ‘Abdullah bin ‘Abd al-Rahman bin ‘Abd al-Rahim, 1421H/2000M, *A‘lam al-Makkiyyin*. Mekah, Dar al-Furqan, cet.1.

Al-Tarmasiy, 2007, Muhammad Mahfuz, *al-Khil‘ah al-Fikriyyah fi Sharh al-Minhah al-Khayriyyah*, hlm. ↘.

lms.kuis.edu.my/.../Hadis_Jurnal_Bil_1_2.pdf, hlm36-37.

Al-Zirikliyy, Khayr al-Din bin Mahmud bin Muhammad bin ‘Aliy bin Faris, 1984, *Al-A‘lam- Qamus Tarajum li Ashhar al-Rijal wa al-Nisa' min al-‘Arab wa al-Musta‘ribin wa al-Mustashriqin*, Beirut: Dar al-‘Ilm li al-Malayin, cet.9.

‘Abd al-Fattah al-Sayyid ‘Ajmiy al-Marsafi, 2008, *Hidayat al-Qari’ ila Tajwid Kalam al-Bari*, Dar al-‘Aqidah, Kaherah.

Mahmud Ahmad Sa‘id al-Atrash, 2007, *Al-Qira’at wa al-Qurra’ wa Juhuduhum Fi al-Qira’at wa al-Ta‘rif Fi al-Qira’at wa ‘Ulumiha Mundhu al-‘Ahd al-Nabawiy wa Hatta al-Yawm*. Dar al-Iman.

‘Umar ‘Abd al-Jabbar, 1982M/1403H, *Siyar Wa Tarajum Bacdh ‘Ulama’ina Fi al-Qarn al-Rabi‘ ‘Ashar Li al-Hijrah*, Jeddah, cet.3, hlm.286.

Al-Tarmasiy, Muhammad Mahfuz Abdullah. 1324H/1907H. *Ta‘mim al-Manafi‘ fi Qiraat al-Imam Nafi‘*. Mekah, hlm.1-2.

Al-Tarmasiy, Muhammad Mahfuz bin ‘Abdullah, 1911M/1328H, *Ghunyat al-Talabah bi Sharh al-Tayyibah*, Mekah.

Al-Tarmasiy, Muhammad Mahfuz, *Tanwir Al-Sadr Bi Qira’at Al-Imam Abi ‘Amr T.th*.

Al-Tarmasiy, Muhammad Mahfuz. 1320H/1903M. *Kifayat al-Mustafid li ma ‘Ala min al-Asanid*. Matba‘ah al-Mashhad al-Husayni. Mesir.

Al-Zirikliyy, Khayr al-Din bin Mahmud bin Muhammad bin ‘Ali bin Faris, *Al-A‘lam- Qamus Tarajum li Ashhar al-Rijal wa al-Nisa' min al-‘Arab wa al-Musta‘ribin wa al-Mustashriqin*. 1984. Beirut: Dar al-‘Ilm li al-Malayin. Cet.9. Hlm.34.

Hayati Hussin, Abdul Rahim Ahmad, Zainora Daud, Muhammad Lukman Ibrahim. (2016), Justifikasi Qiraat Di Dalam Manuskrip Ta‘mim Al-Manafi‘ Bi Qiraat Al-Imam Nafi‘ Karangan Al-Tarmasi, Jurnal al-Turath, 1(2), 52.

Hayati Hussin, Sabri Bin Mohamad, Wan Nasyrudin Wan Abdullah, Abdul Rahim Ahmad. (2015), Al-Tarmasiy: Tokoh Prolifik Dalam Bidang Pengajian Islam, Jurnal Pengajian Islam Akademi Islam Kuis, 8(2), 75.